



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 OKTOBER 2022 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL, PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

2 OKTOBER 2022 (AHAD)

Bantu martabat produk tempatan

KPDNHEP rancang pelaksanaan Karnival Barangan Malaysia seperti MAHA di MAEPS

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merancang mengadakan Karnival Barangan Malaysia dalam skala lebih besar seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) pada tahun depan.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, karnival tersebut akan mengumpulkan semua barangan tempatan merangkumi pelbagai segmen seperti perabot, pakaian, fesyen dan gaya hidup, batik, automotif kraf tangan, makanan serta produk halal.

Menurutnya, Kempen Beli

Barangan Buatan Malaysia (KBBM) perlu menginjak ke fasa lebih besar daripada kebiasaan termasuk melalui Karnival Barangan Malaysia berskala besar yang dijangka diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.

"Saya amat berbangga melihat begitu banyak rangkaian produk tempatan yang bermutu tinggi, unik dan menarik dihasilkan dalam negara kita.

"Karnival Barangan Malaysia yang julung-julung kali diadakan ini adalah antara platform diusahakan kementerian untuk membantu memperkasa ekonomi perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan memartabatkan produk usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Perasmian Karnival Barangan Malaysia 2022 di pekarangan Mydin Mall Meru Raya di sini pada Sabtu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Exco Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Masyarakat Sipil Perak, Datuk Abdul Yunus Jamahri serta Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd Yusof.



Rosol (tengah) bersama Abdul Yunus (kiri) dan Azman menyempurnakan Perasmian Karnival Barangan Malaysia 2022 di pekarangan Mydin Mall Meru Raya, Ipoh pada Sabtu.

Rosol berkata, kementerian menasarkankan nilai jualan KBBM pada tahun ini meningkat sebanyak 2.5 peratus berbanding tahun 2021 yang mencatat jualan RM3.2 bilion.

Sementara itu, beliau berkata, siri kedua bagi Karnival Barangan Malaysia akan diadakan di Plaza Angsana Mall,

Johor Bahru pada 14 hingga 16 Oktober depan.

Jelasnya, selain KBBM, KPDNHEP turut menawarkan pelbagai inisiatif strategik setiap tahun bagi memartabatkan barangan Malaysia seperti Program Transformasi Produk dan Penandaan Logo Buatan Malaysia.